

**Raja Permaisuri Agong Sertai Kanak-kanak Dalam Majlis Riang Ria Aidilfitri
Bernama
27 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah Selasa berangkat ke majlis sambutan Riang Ria Aidilfitri bersama 300 kanak-kanak daripada institusi kebajikan sekitar Lembah Klang dan Ampang Jaya.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda disambut Yang Dipertua Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia Tan Sri Zaleha Ismail.

Pada majlis itu baginda diraikan dengan persembahan kanak-kanak dari Pusat Latihan Autisma dan kanak-kanak sekolah serta persembahan artis "Idola Kecil", Nor Harris Alif Nor Rashidi dan Puteri Aszfaryna Khareeza.

Baginda kemudian menyampaikan duit raya serta hadiah kepada kanak-kanak yang hadir.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616050>